



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 14 FEBRUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 14 Februari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **4,525 kes** (213,814 kes kumulatif, 80.9%);
- Kes baharu : **2,464 kes** (264,269 kes kumulatif);
- Kes import : **3 kes** (2 warganegara; 1 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **2,461 kes** [1,705 warganegara (69.3%); 756 bukan warganegara (30.7%)];
- Kes aktif : **49,490 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **260 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **111 kes**; dan
- Kes kematian : **7 kes** (965 kes kumulatif, 0.36%).

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,103 kes (44.8 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **867 kes (78.6 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **492 kes (20.0 peratus)** dan Sarawak sebanyak **161 kes (6.5 peratus)**.

Sebanyak **54 kes (2.2 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara, lokap, dan depoh tahanan imigresen yang membabitkan Kluster Tembok Bendera (18 kes), Kluster Tembok Pengkala Chepa (14 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (10 kes), Kluster Penjara Jalan Sungai Jelok (9 kes), Kluster Tembok Renggam (1 kes), Kluster Penjara Kepayan (1 kes), dan Kluster Penjara Seberang Perai (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan tiga (3) kes di Sarawak, dua (2) kes di Selangor serta masing-masing satu (1) kes di Sabah dan Pulau Pinang. Kesemua kes kematian melibatkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut

negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 14 Februari 2021:

- Jumlah kluster : **983 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **11 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **499 kluster** (termasuk **10 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Tembok Gajah, Kluster Tapak Bina Awan Puteh, Kluster Tapak Bina Hartamas, Kluster Tapak Bina Perkasa, Kluster Rantau Semarak, Kluster Rantau Lada, Kluster Dialisis Putra, Kluster Mengkuang, Kluster Jalan Pandan Indah, dan Kluster Firma**);
- Jumlah kluster aktif : **484 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **64 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Jalan Istimewa Cemerlang (107 kes), Kluster Jalan Usaha Satu (69 kes), dan Kluster Pasai (65 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **11 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan sembilan (9) kluster berkaitan tempat kerja serta masing-masing satu (1) kluster melibatkan komuniti dan keagamaan.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kategori Kluster</b>
1	Jalan Istimewa Cemerlang	Johor	Tempat Kerja
2	Batu 57	Johor	Tempat Kerja
3	Jalan Usaha Satu	Johor	Tempat Kerja
4	Jalan Tebrau Khas	Johor	Tempat Kerja
5	Jalan Persiaran Teknologi Kulai	Johor	Tempat Kerja
6	Tapak Bina Jalan Setia	Selangor	Tempat Kerja
7	Jalan Jelatek	Selangor	Tempat Kerja
8	Jalan Sepuluh	Selangor	Tempat Kerja
9	Ria Jaya	Kedah	Tempat Kerja
10	Patikang Ulu	Sabah	Komuniti
11	Jalan Badak	Perak	Keagamaan

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

14 Februari 2021 @ 6.00 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 14 FEBRUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	1,103 (1)	86,943
<b>SABAH</b>	116	51,332
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	154 (2)	31,822
<b>JOHOR</b>	492	30,837
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	40	13,059
<b>PULAU PINANG</b>	56	9,815
<b>PERAK</b>	85	7,393
<b>KEDAH</b>	92	7,028
<b>SARAWAK</b>	161	6,586
<b>MELAKA</b>	11	5,642
<b>KELANTAN</b>	88	3,999
<b>PAHANG</b>	10	3,526
<b>TERENGGANU</b>	51	2,871
<b>WP LABUAN</b>	1	2,225
<b>WP PUTRAJAYA</b>	4	997
<b>PERLIS</b>	0	194
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,464 (3)</b>	<b>264,269</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Kes positif 2,464 kes COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 14 Februari 2021 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 1,103 kes**

- 153 kes daripada kluster-kluster; termasuk 98 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Setia, Kluster Jalan Jelatek, dan Kluster Jalan Sepuluh**;
- 714 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 235 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 492 kes**

- 324 kes daripada kluster-kluster, termasuk 251 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Istimewa Cemerlang, Kluster Jalan Usaha Satu, Kluster Jalan Persiaran Teknologi Kulai, Kluster Jalan Tebrau Khas, dan Kluster Batu 57**;
- 65 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 103 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 161 kes**
  - 68 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 42 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 51 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 154 kes**
  - 17 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 40 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
  - 95 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sabah: 116 kes**
  - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster; termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Patikang Ulu**;
  - 89 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 24 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kedah: 92 kes**
  - 66 kes daripada kluster-kluster; termasuk 55 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Ria Jaya**;
  - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 21 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.



- **Kelantan: 88 kes**
  - 55 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 12 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perak: 85 kes**
  - 39 kes daripada kluster-kluster; termasuk 11 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Badak**;
  - 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 22 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pulau Pinang: 56 kes**
  - 26 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 13 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 17 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Terengganu: 51 kes**
  - Empat (4) kes daripada kluster sedia ada;
  - 13 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 34 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 40 kes**
  - 12 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Melaka: 11 kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
  - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pahang: 10 kes**
  - Lima (5) kes daripada kluster sedia ada;
  - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Empat (4) kes**
  - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

### LAMPIRAN 3

Ringkasan tujuh (7) kes kematian pada 14 Februari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
959	147409	Sarawak	Lelaki (WN)	63	Hospital Sibul	Penyakit darah tinggi dan <i>dislipidemia</i>
960	203502	Sarawak	Perempuan (WN)	52	Hospital Sibul	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan gout
961	209409	Sarawak	Perempuan (WN)	73	Hospital Sibul	Penyakit darah tinggi, kencing manis, dan jantung
962	232885	Sabah	Lelaki (WN)	9	Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Likas	Penyakit <i>medulloblastoma</i>
963	257659	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	62	Hospital Pulau Pinang	Penyakit darah tinggi
964	258778	Selangor	Perempuan (WN)	83	Hospital Sungai Buloh	Penyakit mata kronik

965	258802	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
-----	--------	----------	----------------	----	---------------------	---

\*WN merujuk kepada warganegara.

**Perincian 11 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:**

**1. KLUSTER JALAN ISTIMEWA CEMERLANG**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 11 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Istimewa 7, Taman Perindustrian Cemerlang, Ulu Tiram, Johor Bahru. Sehingga 14 Februari 2021, sejumlah 311 individu telah disaring, di mana **109 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

**2. KLUSTER BATU 57**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Batu Pahat di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-247495) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Batu 57, Ayer Hitam, Batu Pahat. Sehingga 14 Februari 2021, sejumlah 91 individu telah disaring, di mana **13 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 3. KLUSTER JALAN USAHA SATU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru dan Pontian di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 9 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Usaha 1, Taman Perindustrian Ulu Choh, Pontian. Sehingga 14 Februari 2021, sejumlah 299 individu telah disaring, di mana **70 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 4. KLUSTER JALAN TEBRAU KHAS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru dan Kulai di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-250923) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 10 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah pusat pentadbiran awam yang terletak di Jalan Tebrau, Bukit Senyum, Johor Bahru. Sehingga 14 Februari 2021, sejumlah 196 individu telah disaring, di mana **29 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 5. KLUSTER JALAN PERSIARAN TEKNOLOGI KULAI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru dan Kulai di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif

COVID-19 bermula pada 11 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Persiaran Teknologi, Taman Teknologi Johor, Senai. Sehingga 14 Februari 2021, sejumlah 236 individu telah disaring, di mana **45 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 6. KLUSTER TAPAK BINA JALAN SETIA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 14 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak di Jalan Setia Murni, Setia Alam, Shah Alam. Sehingga 14 Februari 2021, sejumlah 320 individu telah disaring, di mana **36 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 7. KLUSTER JALAN JELATEK

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Gombak di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 14 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Jelatek 2, Pusat Perniagaan Jelatek, Gombak. Sehingga 14 Februari 2021, sejumlah 200 individu telah disaring, di mana **35 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 8. KLUSTER JALAN SEPULUH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 31 Januari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah gudang yang terletak di Jalan U10/10D, Shah Alam. Sehingga 14 Februari 2021, sejumlah 250 individu telah disaring, di mana **32 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 9. KLUSTER RIA JAYA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Muda di Kedah. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 9 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di *Taman Ria Jaya Light Industrial Park*, Sungai Petani, Kuala Muda. Sehingga 14 Februari 2021, sejumlah 567 individu telah disaring, di mana **81 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 10. KLUSTER PATIKANG ULU

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Keningau di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-236561) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 6 Februari 2021 hasil saringan individu



bergejala. Kluster ini melibatkan perjumpaan dalam komuniti yang berlangsung di Kampung Patikang Ulu, Keningau. Sehingga 14 Februari 2021, sejumlah 185 individu telah disaring, di mana **37 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 11. KLUSTER JALAN BADAQ

Kluster keagamaan ini melibatkan daerah Kinta dan Kuala Kangsar di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-226330) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan satu majlis ceramah yang berlangsung di Kuala Kangsar pada 15 Januari 2021. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes berlaku iaitu di Jalan Badak, Kampung Jeliang, Kuala Kangsar. Sehingga 14 Februari 2021, sejumlah 57 individu telah disaring, di mana **23 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.